



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/03/23 (HQ)

### PROJEK BAITI JANNATI TNB PERINGKAT PULAU PINANG

Kehidupan Encik Mohd. Nazar Abdul Jalil kini lebih selesa, setelah **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** membaik pulih kediamannya di Air Melintas Besar, Tasek Gelugor, menerusi Projek Baiti Jannati, Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016.

Encik Mohd. Nazar, 55, bekerja sebagai buruh kampung dan menjual sayur-sayuran kampung. Dengan pendapatan bulanan RM300.00, selain isteri dan empat (4) anak, beliau turut menanggung dua (2) orang anak yatim.

Melalui Projek Baiti Jannati, rumahnya yang usang kini telah dibaik pulih lengkap dengan tiga (3) bilik tidur, ruang tamu yang luas dan mempunyai kemudahan air dan elektrik.

Rumah Encik Mohd. Nazar yang siap dibaiki dirasmikan hari ini oleh Timbalan Menteri Luar, Y.B. Dato' Seri Reezal Merican Naina Merican merangkap Ahli Parlimen Kepala Batas.

Ketua Jurutera Negeri (Pulau Pinang), Ismail Lahtifi Teh dalam ucapannya berkata Projek Baiti Jannati adalah susulan daripada saranan kerajaan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk membaiki kediaman golongan sasaran.

Golongan sasaran ini antaranya calon-calon asnaf terdiri daripada penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal dan warga emas. Untuk tahun 2016, Negeri Pulau Pinang telah diperuntukkan empat (4) buah rumah untuk baik pulih. Setakat ini dua (2) orang penerima yang layak telah dikenal pasti iaitu masing-masing satu (1) di Sg. Pinang Balik Pulau, satu (1) di Kg. Air Melintas Besar, Pinang Tunggal. Manakala dua (2) lagi dalam proses kelulusan selanjutnya.

**Dikeluarkan di Kepala Batas, Pulau Pinang pada 25 Mac 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*